

13 SEP 1998

Koh-BN

ISU PEMULIHAN EKONOMI LEBIH PENTING DARIPADA PELUCUTAN ANWAR

PULAU PINANG, 13 Sept (Bernama) -- Isu pemulihan ekonomi dan menjaga kesejahteraan rakyat jauh lebih penting daripada isu pelucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan parti, kata Pengerusi Jawatankuasa Barisan Nasional (BN) Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini.

Beliau berkata, sehubungan itu BN Pulau Pinang menyatakan sokongan serta keyakinan penuh terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam usahanya menangani segala cabaran ekonomi dan politik yang dihadapi oleh negara pada masa ini.

Dr Koh menyeru semua anggota BN negeri supaya bersatu padu dan berdiri teguh bersama-sama dengan pucuk pimpinan negara dalam menghadapi masalah kegawatan ekonomi.

Ketika bercakap pada persidangan berita selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa BN Negeri dan majlis taklimat BN di sini, beliau berkata, mereka harus mengetepikan segala perbezaan pendapat dan tidak harus terpengaruh oleh mana-mana pihak yang cuba memecah-belahkan perpaduan rakyat.

Mengenai isu hangat perlucutan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri dan daripada Umno, Koh, yang juga Ketua Menteri berkata, Jawatankuasa BN Negeri menyokong sebulat suara prerogatif dan keputusan Perdana Menteri untuk berbuat demikian.

"Kami percaya bahawa Perdana Menteri mempunyai alasan yang kukuh untuk berbuat demikian setelah membuat pertimbangan dan penyiasaan. Isu pemulihan ekonomi dan perpaduan negara serta kesejahteraan rakyat merupakan isu-isu yang jauh lebih penting daripada apa-apa isu lain pada masa ini," katanya.

Mengenai taklimat BN, yang dihadiri kira-kira 150 wakil parti komponen BN termasuk pengerusi, ketua pemuda dan wanita di peringkat bahagian, beliau berkata, mereka diberi penerangan mengenai beberapa isu utama, antaranya pemulihan ekonomi dan perpaduan rakyat.

Selain menerangkan mengenai langkah-langkah konkrit yang diambil oleh kerajaan dalam soal ini, wakil-wakil itu diberi taklimat mengenai penubuhan jawatankuasa BN peringkat bahagian mengikut kawasan Parlimen bagi membolehkan semua urusan pentadbiran dijalankan dengan berkesan, katanya.

Yang turut hadir pada persidangan berita itu ialah Pengerusi MIC Negeri, Dr K.Rajapathy, wakil-wakil UMNO iaitu Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Mohd Shariff Omar serta Setiausaha BN Negeri, Datuk Khalid Ahmad.

Mengenai perbuatan seorang anggota exco Kerajaan Negeri menghadiri perhimpunan di rumah Anwar di Cherok To' Kun petang semalam, Koh berkata, anggota exco itu telahpun menjelaskannya kepadanya bahawa beliau singgah sebentar di rumah itu untuk bertanya khabar sebagai seorang rakan kepada Anwar.

"Kalau saya bertemu Anwar di lapangan terbangpun, saya akan berbuat perkara yang sama iaitu menegur dan bertanyakan khabarnya," katanya.

-- BERNAMA

ZU PR